

Pemuda Pembangkang 'Ugut' Anjur Bersih 3.0
mStar Online
Mac 29, 2012
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

KUALA LUMPUR: Pembangkang terus 'mengugut' untuk menganjurkan perhimpunan haram Bersih 3.0 sekiranya lapan tuntutan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) sebelum ini tidak ditunaikan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Malah Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Nasrudin Hassan Tantawi mengingatkan kerajaan agar tidak membubarkan Parlimen selagi kesemua tuntutan Bersih tidak dilaksanakan.

"Kami tidak menolak kemungkinan akan berlaku Bersih 3.0 atau bantahan yang lebih hebat serta drastik daripada rakyat. Kami tidak mahu pilihan raya diadakan dalam keadaan sistem pilihan raya menghadapi 1,001 kepingcangan berbanding sebelum ini.

"Sehingga kini, kerajaan masih belum memberikan komitmen kepada rakyat terhadap lapan tuntutan yang disenaraikan dalam Bersih. Jadi, kami berharap kerajaan tidak membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya dalam masa terdekat ini selagi tuntutan-tuntutan itu tidak ditunaikan," katanya pada sidang media pemuda pembangkang di Parlimen di sini, Khamis.

Selain itu, Nasrudin berkata, kerajaan juga perlu melaksanakan terlebih dahulu cadangan yang dikemukakan menerusi laporan akhir Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) bagi menambahbaik sistem pilihan raya sebelum pilihan raya umum diadakan.

"Kami gesa kerajaan mengambil kira perkara ini. Biarlah pilihan raya umum diadakan setelah segala cadangan dalam laporan jawatankuasa dan juga tuntutan Bersih ditunaikan terlebih dahulu," jelasnya.

PSC dijangka membentangkan laporan yang mengandungi 22 cadangan bagi menambahbaik sistem pilihan raya di Dewan Rakyat minggu depan.

Kesemua cadangan berkenaan mengambil kira tiga elemen utama iaitu perlu disegerakan, penting dan boleh dilaksanakan dalam masa terdekat.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/29/mstar_berita/20120329154632&sec=mstar_berita